

Kecemerlangan Iqbal masih gagal menangi pingat



SEKADAR DI TANGGA KEEMPAT:

Muhammad Iqbal Abdul Rahman gagal mengulangi pencapaiannya di temasya Sukan SEA dua tahun lalu apabila beliau menang gangsa. – Foto FAKHRURADZI ISMAIL

WALAUPUN beliau mempamerkan aksi cemerlang, pendekar negara Muhammad Iqbal Abdul Rahman, gagal memungut sebarang pingat semasa beraksi di pusingan akhir acara silat seni tunggal putera di Stadium Juara Bukit Kiara petang semalam.

Keputusan pengadil tidak menyebelahi Muhammad Iqbal apabila beliau hanya meraih 438 mata untuk menamatkan saingan di tempat keempat.

Pingat emas dibolot pesilat tuan rumah, Muhammad Afifi Nordin, yang memperolehi mata terbaik 470 dengan perak dimenangi

Sugianto dari Indonesia dengan mengumpulkan 462 mata.

Gangsa pula milik pesilat Thailand, Ilyas Sadara, dengan 457 mata.

Pada temasya Sukan SEA di Singapura dua tahun lalu, Muhammad Iqbal memungut gangsa dalam acara yang sama selepas ditiwaskan peserta Vietnam dan Indonesia yang memungut emas dan perak.

Pesilat berusia 24 tahun itu turut membawa pulang pingat perak semasa beraksi di Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di Bali tahun lepas, juga dalam acara yang sama ini.